



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Selasa, 29 November 2022

1	-Segera ambil tindakan pihak naikan harga telur -Buat aduan jika harga RM17 seapan
2	Penternak rugi RM20,000 7 lembu mati
3	Krisis telur belum selesai
4	Nak dapat seapan telur pun susah
5	-‘Masih ada tempat tiada telur’ -Cari mekanisme baharu selesai masalah
6	Ternak rusa bantu hilang tekanan
7	-Telur ayam mungkin disorok -Ada pihak mungkin sorok bekalan telur -peniaga hanya ada jual telur omega RM19 seapan
8	7 Lembu mati dipanah petir persara guru rugi RM20.000
9	-Telur belambak atau masih kurang -Telur berlambak atau masih kurang
10	-Roast may be toast -Poultry farmers are reaching cracking point -No quick solutions, just a slow boil -No truth sabotage claims, says farmers' association chief -'Production affected by lower quality feedstock'
11	‘No reports of eggs sold at RM17 per tray’

DISEDIAKAN OLEH :
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT,
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Segera ambil tindakan pihak naikkan harga telur

Kementerian digesa siasat, maklumkan rakyat punca bekalan mahal

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
nooratiqah.sulai-
man@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) digesa mengambil tindakan tegas ke atas peniaga atau pembekal yang didapati menaikkan harga telur ayam walaupun kini bekalan hasil itu kembali pulih.

Ketua Pegawai Eksekutif Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Dr Saravanan Thambirajah, berkata tindakan tegas itu pula harus diambil dengan pantas bagi mengelakkkan rakyat terus membuat pelbagai tanggapan.

Beliau mengakui FOMCA juga tidak tahu punca harga telur ayam meningkat secara mendadak walaupun negara tidak mengalami kekurangan makanan berkenaan.

"Mengenai harga telur ayam mahal, buat masa ini kita belum terima sebarang aduan daripada pengguna, tetapi kita mahu lihat peranan KPDNHEP untuk ambil tindakan ke atas peniaga atau sesiapa sahaja yang mencatut."

"KPDNHEP ada kuasa buat siasatan dan penguatkuasaan untuk mengetahui apa punca sebenar harga telur ayam naik. Sehingga kini kita tidak mendengar sebarang kenyataan daripada pihak berkaitan mengenai isu ini," katanya kepada BH semalam.

Semalam, BH melaporkan, tinjauan mendapati bekalan telur



Bekalan telur kembali stabil, namun harganya meningkat ketika tinjauan di Jalan Raja Hussein, Kuala Lumpur.
(Foto Azhar Ramli/BH)

ayam di pasaran runcit beberapa negeri kembali stabil, namun harganya pula meningkat, ada yang mencecah sehingga RM17 sepasang bagi telur gred A.

Kenaikan harga itu juga didakwa berpunca daripada pembekal yang mengenakan caj tambahan, iaitu dua sen untuk setiap biji telur sehingga memaksa harga jualan runcit turut dinaikkan untuk semua jenis gred.

Bukan isu baharu

Sementara itu, Saravanan berkata, kenaikan harga telur bukan isu baru dan di bawah KPDNHEP juga, ditubuhkan jawatankuasa khas seperti Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hudup untuk melihat pelbagai isu, termasuk bekalan makanan dalam negara.

"Menerusi jawatankuasa ini, kita letakkan data terkini bekalan makanan seperti ayam, telur, sayur-sayuran dan sebagainya. Pada masa itu memang berlaku kekurangan bekalan ayam kerana negara kita baru sahaja pulih daripada COVID-19."

"Namun, sejak dua bulan lalu, (data menunjukkan) memang tiada isu kurang bekalan makanan, sebaliknya tiba-tiba kekurangan bekalan telur pula. Perkara inilah yang kita mahu KPDNHEP terangkan kepada rakyat.

"Terangkan adakah kekurangan bekalan telur ayam dan kenaikan harganya disebabkan permintaan yang berlebihan atau sebaliknya," katanya turut mengajak rakyat memainkan peranan menangani kenaikan harga atau kekurangan makanan dengan membuat aduan kepada pihak berkaitan.

Katanya, tindakan lain seperti boikot peniaga akan menyebab-

kan kerugian kepada sektor perniagaan dan ekonomi negara.

"Janganlah boikot peniaga kerana ia bukan perkara yang bagus, akan menyebabkan kerugian kepada peniaga dan ekonomi. Kita boleh main peranan dengan membuat aduan kepada kementerian yang kemudian akanambil tindakan.

"Mereka mempunyai prosedur operasi standard (SOP) dan petunjuk prestasi utama (KPI) yang boleh dicapai. Dengan aduan itu, pengutusan kuasa boleh buat tinjauan dan sekiranya betul ada yang mencatut dan menaikkan harga, tindakan dapat diambil," kata-

Mengenai harga telur ayam mahal, buat masa ini kita belum terima sebarang aduan daripada pengguna

Saravanan Thambirajah,
Ketua Pegawai Eksekutif FOMCA



Buat aduan jika harga RM17 sepapan

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-NHEP) tidak menerima sebarang laporan berkaitan harga telur ayam mencecah RM17 sepapan seperti dilaporkan media.

Pengarah Penguat Kuasanya, Azman Adam memberitahu *BH* semalam, jika pengguna ada mengesan peniaga menjual telur ayam gred kawalan melebihi harga sepatunya, mereka boleh membuat aduan kepada pihaknya bagi membolehkan siasatan dijalankan.

“Kita kawal harga telur ayam gred A, B dan C, masing-masing pada harga kawalan 45, 43 dan 41 sen sebiji, namun telur ayam jenis istimewa atau Omega, har-ganya bukan di bawah kawalan.

“Setakat ini, tiada laporan yang diterima berhubung dak-waan telur ayam dijual RM17 se-papan.

“Jika ada aduan, kita akan sia-sat seperti biasa,” katanya sam-bil memaklumkan, dari segi pe-naguatkuasaan harga telur ayam sejak 5 Februari lalu sehingga semalam, sebanyak 153 kes men-jual telur ayam melebihi harga maksimum, sudah diambil tin-dakan.

Penternak rugi RM20,000 7 lembu mati dipanah petir

Kejadian berlaku ketika ternakan berlindung bawah pokok ketika hujan lebat

Roselan Ab Malek
bhnews@bh.com.my

Lipis: Seorang penternak lembu di sini kerugian RM20,000 apabila tujuh haiwan ternakannya mati dipanah petir di Kampung Serunai, Mela, petang kelmarin.

"Ketika hendak mengambil wuduk untuk menuaikan solat Maghrib, saya sudah berasa tidak sedap hati.

"Saya berasa bimbang apabila mengingatkan keselamatan lembu yang dilepaskan di sekitar kandang petang semalam kerana ketika itu hujan lebat diikuti dengan petir yang kuat," kata penternak itu, Ab Lah Mat Isa, 69.

Ab Lah berkata, seorang penduduk yang kebetulan melalui

kawasan kandang lembu menghubunginya pada waktu Subuh dan memaklumkan mengenai kejadian lembunya mati di panah petir.

Kejadian itu dipercayai berlaku pada jam 7 malam ketika hujan lebat diikuti petir yang kuat berdekatan kandang lembu di kampung terbabit.

Bangkai bergelimpangan

Menurut Ab Lah, dia bergegas ke kandang itu dan terkejut apabila menemui bangkai lembu ternakan bergelimpangan tidak jauh di antara satu sama lain.

Katanya, kemungkinan tujuh lembu yang mati dipanah petir itu berkumpul sambil berlindung di bawah pokok ketika hujan lebat dan petir.

"Kejadian seumpama itu kali pertama berlaku sejak saya menernak lembu kira-kira 20 tahun lalu.

"Kebiasaannya setiap petang saya ke kandang untuk menjenguk dan mengawal ternakan supaya tidak berkeliaran jauh dari kawasan lain, tetapi petang semalam tidak pergi ke situ kerana hujan lebat," katanya.



Ternakan Ab Lah mati dipanah petir di Kampung Serunai, Mela, petang kelmarin.
(Foto ihsan pembaca)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29.11.2022	SINAR HARIAN	NASIONAL	MUKA DEPAN



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29.11.2022	SINAR HARIAN	NASIONAL	10

Oleh: NUR IFTITAH ROZLAN, NORAWAZNI YUSOF, MOHD AZLIM ZAINURY, ADILA SHARINNII WAHID, NURUL HIDAYAH HAMID, NOR AZURA MD AMIN dan NURFARDINA IZZATI MOKTAR

Nak dapat sepapan telur pun susah

Pengguna merungut masih sukar dapat bekalan telur dalam jumlah banyak

AH ALAM

FARIZA HANIM

SITI ZAINAB

NOR HAMICA

AHMAD ZAIDI

LAPORAN MUKA DEPAN

Rata-rata pelanggan mengaku masih sukar untuk mendapatkan bekalan telur ayam di kedai runcit dan pasar raya lebih-lebih lagi jika mahu membeli dalam kuantiti yang banyak.

Tinjauan *Sinar Harian* di beberapa pasar raya dan kedai runcit di sekitar Shah Alam setakat jam 2 petang pada Isnin mendapati, kebanyakan kedai hanya mempunyai pek telur ayam yang mengandungi enam hingga 10 biji telur berbanding separuh berisi 30 biji.

Penolong arsitek landskap, Fariza Hanim Mohd Jami, 38, berkata, dia sudah cuba mencari bekalan di beberapa kedai namun hampir kerana sukar untuk mencari sepapan telur.

"Pek kecil memang ada di pasaran tapi memandangkan di rumah saya sekeluarga memang ambil protein telur setiap kali sarapan, jadi memang tidak cukup."

"Agak susah nak beli satu papasan telur di kedai runcit atau pasar raya dan ia mudah habis lebih-lebih lagi selepas waktu bekerja," katanya ketika ditemui di salah sebuah pasar raya di sini pada Isnin.

Bagi penjawat awam, Siti Zainab Jamarizan, 35, berkata, masalah kekurangan bekalan telur ayam yang berlarutan sejak tiga minggu lepas masih tiada jalan penyelesaian.

"Sejak tiga minggu lepas memang susah naik dapatkan bekalan satu papasan telur ayam. Ramai kata di media sosial bekalan sudah kembali pulih."

"Tetapi saya cari di beberapa pasar raya di sekitar sini pun masih tiada lagi bekalan untuk sepapan telur ayam. Tinggal telur yang dijual dalam pek kecil dan harganya sedikit mahal," jelasnya.

Seorang pengguna, Nor Hamika Yahya, 36, pula ber-

Salmah menunjukkan rak yang menempatkan telur di kedai runcit kosong kerana kesukaran mendapatkan barang keperluan itu.

kata, harga sepapan telur ayam bagi gred A ketika ini dijual pada harga lebih RM13 berbanding sekitar RM11 sebelum ini.

Menurutnya, kenaikan itu menyebabkan pengusaha kecil terpaksa meninggalkan makaran perniagaan kerana kekurangan mereka tidak mampu membayar harga jualan makaran.

"Bila dah dapat bekalan, mahal pula harga. Sepertanya harga telur ayam perlu kembali kepada asal seperti sebelum ini (pandemik Covid-19 melanda)," katanya.

Sementara itu, seorang pengguna, Ahmad Zaidi Ismail, 33, berkata, telur ayam merupakan sumber makanan utama bagi rata-rata keluarga dan harganya tidak boleh membebani rakyat.

"Bukan sahaja peniaga, tetapi keluarga golongan B40 akan tersa. Dulu telur mahal sebab kurang bekalan sekarang bila ada dia, harga pula tidak stabil dan itu perlu diberikan perhatian," katanya.

Di KOTA BHARU, bekalan di kebangan kedai masih belum

pulih dan hanya mempunyai telur omega yang berharga sedikit mahal.

Seorang peniaga kedai runcit, Amalina Nordin, 29, berkata, sudah tiga minggu bekalan telur tidak diperoleh daripada pembekalan.

"Banyak kali saya pergi ke kedai borong telur di Pasir Tumboh ini, semua berita telur habis dan ada pemborong tutup kedai serta tidak berniaga."

"Orang kata bekalan telur pulih tetapi di Kota Bharu ini masih tak ada telur, ada pun telur jenis omega.

"Telur biasa boleh dapat daripada pemborong dengan harga RM11.50 sepanjang tetapi telur omega ini terpaksa dijual sedikit-sedikit kerana mahal dan kuantiti pun tidak banyak," katanya ketika ditemui di kedai runcit di Bandar Baharu Pasir Tumbuh pada Isnin.

Catu juulan

Sementara itu di PEKAN, peniaga kedai runcit, Salmah Mohd Nordin, 55, berkata, mereka masih berdepan kekurangan stok telur.

Amalina menunjukkan telur jenis omega yang dijual di kedainya.

Mohd Sidek memaklumkan hanya mendapat sepapan telur daripada pembekalan.

'Masih ada tempat tiada telur'

Persatuan penternak dakwa masalah bekalan telur di pasaran masih belum selesai sepenuhnya

SHAH ALAM

ISU kekurangan bekalan telur ayam di pasaran sejak Oktober lalu masih lagi berlanjut sehingga kini, kata Timbalan Presiden Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM), Lee Yoon Yeau.

Ujarnya, isu telur ayam kembali pulih seperti yang dipaparkan di media sosial adalah tidak benar kerana beberapa kawasan masih lagi mengalami



YOON YEAU

masalah sama.

"Itu bukan satu liputan betul. Media sosial yang mainkan isu ini, jadi kita tidak boleh komen."

"Hantaran di media sosial yang kata telur (ayam) sudah banyak di pasaran belum tentu sahih dan mungkin hanya beberapa sahaja yang merasanya."

"Melainkan jika Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sendiri yang memaklumkannya, bukan hanya baca menerusi hantaran media sosial orang ramai," katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai beberapa hantaran di media sosial yang menyatakan bekalan telur ayam kembali pulih di pasar raya.

Kata Yoon Yeau, kebanyakan



Beberapa kawasan masih lagi mengalami masalah bekalan telur yang tidak mencukupi.

ladang ternakan mula mengurangkan produktiviti pengeluaran ekoran kerugian yang dialami sejak lalu disebabkan kenaikan harga dedak dan harga kawalan ayam.

"Tahun ini, (harga) dedak naik

tinggi dan agak sukar dikawal kerana ia mengikut harga antarabangsa. Ini antara isu yang

sukar dikawal penternak," jelasnya.

Justeru beliau berkata, kabinet baru yang bakal dibentuk perlu mencari penyelesaian 'menang-menang' yang tidak akan merugikan penternak mahupun rakyat.

"Kita tunggu dalam dua minggu lagi kerana semalam

(Ahad) pegawai KPDNHEP dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali maklumkan telah mengadakan mesyuarat dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim," katanya.

Sementara itu, Setiausaha Persatuan Penternak Unggas (Kecil dan Sederhana) Johor, Lau Ka Leng berkata tempoh masa diperlukan untuk bekalan telur ayam kembali stabil di pasaran.

"Setakat ini bekalan sudah beransur pulih, tetapi permintaan pasaran tempatan cukup tinggi."

"Sebelum ini, penternak berdepan isu wabak dan penyakit ayam penelur. Wabak ini tidak sebabkan ayam mati tetapi telur ayam berkurangan.

"Namun wabak ini sudah diatasi dan bekalan telur ayam semakin stabil," katanya ketika dihubungi pada Isnin.

Untuk rekod, secara purata negara memerlukan antara 30 hingga 31 juta biji telur sehari yang dikeluarkan oleh 1,500 penternak seluruh negara.

Cari mekanisme baharu selesai masalah

ALOR SETAR - Persatuan Pengguna Negeri Kedah (Cake) memintas kerajaan mencari mekanisme baharu bagi mengatasi kekurangan bekalan barang keperluan asas seperti telur ayam.

Presidennya, Mohamad Yusrizal Yusoff berkata, masalah kekurangan bekalan telur ayam di kedai runcit dan pasar raya di negeri ini didapat makin pulih namun masih tidak sepenuhnya.

Menurutnya, kuota bekalan telur ayam diberikan pembekal kepada peniaga didapati masih rendah dan terhad.

"Jika dahulu, bekalan telur ayam dihantar pembekal kira-kira 50 peratus daripada tempahan peniaga sahaja tapi kini telah mencapai 70 peratus.

"Namun, bekalan telur ayam sepatutnya ada 100 peratus hingga 150 peratus demi memenuhi keperluan pengguna,



MOHAMAD YUSRIZAL

tetapi masalah kekurangan bekalan dilihat makin pulih," katanya.

Mohamad Yusrizal berkata, bekalan telur ayam sepatutnya berada dalam keadaan sentiasa mencukupi bagi memenuhi permintaan pengguna.

Dalam perkembangan sama, Mohamad Yusrizal berkata, industri makanan memerlukan perubahan dan transformasi untuk mengurangkan kos sara hidup rakyat.

"Jadi, kami harap Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dapat melihat semula sistem-sistem perdagangan dalam negara yang dikhawatir ada ketiris dan kekurangan hingga menyebabkan harga barang naik melambung.

"Antara lain dengan menghapuskan sistem monopoli bagi sesetengah barang yang menyebabkan berlakunya kenaikan harga barang keperluan ini," katanya.

Hanya bekalan telur ayam kampung masih ada di sebuah pasar raya di Jalan Tun Razak, Alor Setar.



Ternak rusa bantu hilangkan tekanan

Warga emas dakwa keserasian pelihara haiwan itu jadikan kesihatannya lebih baik

Oleh ASWANY OMAR
KUALA KRAI

Seorang warga emas di Kampung Chatel, Lata Rek di sini tidak menyangka usahanya menterak rusa mampu menghilangkan tekanan selepas menghindap kencing manis.

Mat Roni Senek, 68, mula menterak haiwan itu selepas tidak mampu melakukan kerja-kerja berat termasuk menoreh getah lebih 13 tahun lalu.

Menurut Mat Roni, minatnya memelihara rusa sambar sudah lama dan keputusasa diambil selepas dia mula bosan kerana tidak melakukan sebarang kerja.

"Saya kemudian membeli enam ekor rusa daripada seorang kenalan di Tanah Merah



Sebahagian daripada rusa peliharaan Mat Roni.

dengan kos RM18,000," katanya ketika ditemui di rumahnya, di sini pada Isnin.

Menurutnya, keserasian memelihara rusa menggalakkan kesihatannya semakin baik manakala rusa yang diternak mula membabi dan ditambah pembelian baharu sehingga mencapai 17 ekor.

Warga emas itu bagaimana-

pun memberitahu tidak menjual daging haiwan berkenaan walaupun mendapat permintaan yang tinggi daripada penggemar makanan eksotik.

Tambahnya, daging rusa tidak seperti lembu yang boleh dijual terus kerana tidak ramai membelinya secara harian menyebabkan daging tidak segar.

"Saya menjual rusa pada har-



Mat Roni memberi rusanya makan di dalam kandang yang dibina di belakang rumah.

ga RM2,800 hingga RM3,800 seekor bergantung kepada fizikal dan keadaan haiwan itu.

"Setakat ini memang mendapat sambutan daripada pemilik rusa di sekitar Kelantan," katanya.

Bapa kepada tujuh anak berusia antara 25 hingga 46 tahun itu juga bersyukur kerana minatnya mendapat sokongan

Jabatan Veterinar negeri yang sentiasa memantau keadaan haiwan itu.

Jelasnya, setiap bulan sebanyak RM400 diperlukan bagi membeli dedak rusa.

"Rusa tidak cerewet dan saya memberi makan haiwan ini tiga kali sehari selain tidak pernah hilang walaupun terlepas daripada kandang," katanya.

TELUR AYAM MUNGKIN DISOROK »16

Kerajaan digesa tubuh pasukan khas tangani isu kartel bekalan makanan



KERAJAAN digesa menangani segera isu didakwa berkaitan kartel yang mengawal bekalan sehingga memberi kesan kepada pengguna. — GAMBAR HIASAN

Kerajaan digesa segera tangani isu kartel barang

Ada pihak mungkin sorok bekalan telur

Oleh NURUL IZZATI ZAINI

PETALING JAYA — Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) menggesa kerajaan agar mengambil serius dalam menangani isu bekalan makanan disebabkan oleh kawalan kartel.

Ketua Aktivis PPIM, Datuk Nadzim Johan berkata, kemungkinan bekalan itu disorok dan disimpan selama ini ada, kerana mereka ini adalah ‘gergas’ dalam industri dan boleh berbuat apa sahaja yang mereka inginkan.

“Bekalan itu memang sudah ada, tetapi kena sorok, simpan atau jual dekat orang lain. Ada satu kes, anak ayam terlambai banyak, jadi mereka bakar sebab takut harga jatuh. Tiada siapa ambil tindakan atas perbuatan



KERATAN Kosmo! semalam.

zalim ini,” katanya ketika dihubungi Kosmo! semalam. Jelasnya, Malaysia sudah terlalu lama terpengaruh dengan kartel yang mengawal dan memainkan peranan berterusan membuatkan bekalan makanan seperti telur, ayam dan minyak peket tidak stabil.

“Bekalan makanan pun bukan boleh disimpan dalam masa yang

lama, jadi pihak yang ‘menyimpan’ barang-barang tersebut, lepaskan dalam pasaran untuk buat duit,” katanya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pengguna Subang dan Shah Alam (CASSA), Datuk Dr. Jacob George berkata, masalah sorok bekalan itu mungkin ada tetapi tidak semua.

“Semua pihak harus memainkan peranan penting dan bukannya mencari kesalahan satu pihak sahaja.

“Kita menyeru kerajaan untuk menubuhkan satu pasukan petugas khas untuk menangani dan memantau isu ini,” katanya.

Kosmo! semalam melaporkan, bekalan telur kembali stabil di pasaran namun tetap dijual pada harga mahal.

'Peniaga hanya ada jual telur omega RM19 sepapan'



RAK di sebuah kedai di George Town hanya mempunyai bekalan telur omega yang dijual lebih mahal berbanding telur gred A, B dan C.

Oleh NOOR HASLIZA NUSI

GEORGE TOWN — Bekalan telur ayam di negeri ini dikatakan masih tenat apabila para peniaga kedai hanya menjual stok telur omega.

Ini mengakibatkan pembuat kek terpaksa 'melilau' mencari ke beberapa buah kedai lain untuk mendapatkan telur gred A.

Tinjauan Kosmo! di enam premis peruncitan dan pemborong di Barat Daya dan Timur Laut di sini mendapati, hanya ada memasarkan telur ayam omega pada harga RM19 sepapan.

Peniaga juga dikatakan masih

mengehadkan jualan sepapan telur untuk satu keluarga dan dua papan kepada pembuat kek.

Seorang pengusaha kek, Nur Hajar Salim, 32, berkata, sehingga semalam dia masih sukar untuk mendapatkan bekalan telur.

"Telur ayam yang dijual di kedai bahan membuat kek juga masih terhad selain mengamalkan konsep siapa cepat dia dapat."

"Jenuh mencari stok telur ayam gred A. Ada kedai hadkan hanya 10 biji telur, manakala ada kedai hanya dua papan telur untuk peniaga kek."

"Sudahlah tempahan kek semakin meningkat untuk majlis

kenduri dan hari jadi, bekalan telur pula masih tenat," keluhnya kepada Kosmo! semalam.

Sementara itu, seorang lagi pengguna, Siti Ropida Mahmud, 69, berkata, sepapan telur ayam gred B dijual pada harga RM15.60 di pasar awam semalam, manakala gred A mencecah sehingga RM19 sepapan.

"Harga telur dilihat berbeza sama sekali dengan di kedai borong iaitu gred A dijual RM13.50 sepapan, manakala gred C RM12.30. Namun, peniaga (kedai borong) pula mengehadkan kepada satu papan untuk satu keluarga," tambahnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29.11.2022	KOSMO	NEGARA	8

7 lembu mati dipanah petir, pesara guru rugi RM20,000

LIPIS — Perasaan risau seorang warga emas mengenai tujuh ekor lembu ternakannya ketika hujan lebat rupanya petanda dia kerugian sebanyak RM20,000 selepas kesemua haiwan berkenaan mati dipanah petir di Kampung Serunai, Mela dekat sini kelmarin.

Ab Lah Mat Isa, 69, berkata, kejadian itu berlaku kira-kira puluh 7 petang ketika hujan lebat diikuti dengan petir yang kuat berdekatan kandang lembu di kampung tersebut.

"Ketika hendak mengambil wuduk untuk menuaikan solat maghrib, saya berasa tidak sedap hati, bimbang keselamatan ternakan lembu yang dilepaskan di sekitar kandang lebih-lebih lagi ketika hujan dan petir yang kuat.

"Nyata saya berdepan ujian Allah, sebaik selesai solat subuh, seorang penduduk yang

kebetulan melalui kawasan kandang lembu telah menghubungi saya memaklumkan kejadian tersebut," katanya di Kampung Serunai, Mela di sini semalam.

Menurut Ab Lah, dia ber geges ke kandang ternakan itu dan terkejut apabila menemui bangkai lembu ternakan bergelempangan tidak jauh antara satu sama lain.

Warga emas yang juga pesara guru agama itu memberitahu, kemungkinan tujuh ekor lembu yang mati dipanah petir itu berkumpul dengan berlindung di bawah pokok ketika hujan lebat dan petir.

Katanya, kejadian seumpama itu merupakan pertama kali pertama berlaku sejak beliau mengusahakan ternakan lembu 20 tahun lalu dan menyebabkan dirinya mengalami kerugian kira-kira RM20,000.



SEBAHAGIAN daripada lembu milik Ab Lah yang mati akibat dipanah petir di Kampung Serunai, Mela, Lipis kelmarin.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29.11.2022	THE STAR	NEWS	FP, 5&6



Telur berlambak atau masih kurang?

PETALING JAYA: Bekalan telur di seluruh negara menjadi persoalan memandangkan di sesetengah tempat didakwa berlaku lambakan namun sumber industri pula mendakwa ia masih kurang di peringkat ladang.

Bekalan telur yang didakwa tiba-tiba kembali stabil selepas Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) mungkin berlaku tetapi dalam skala kecil dan bersifat terpencil.

Sumber dalaman industri ayam dan telur yang dihubunggi *Utusan Malaysia* berkata, hakikatnya di peringkat ladang ayam telur, bekalan masih kurang dan tidak ada peningkatan mendadak secara tiba-tiba.

Namun katanya, merujuk gambar yang tular di media sosial kononnya ada segelintir pasar raya tiba-tiba mempunyai bekalan telur yang banyak, hal itu tidak melibatkan pengeluar peringkat ladang, sebaliknya peniaga dengan pemborong telur saja.

"Pada saya, sama saja isunya. Pagi ini pun, saya terima beberapa



BIARPUN di peringkat ladang didakwa berlaku kekurangan bekalan telur tetapi di beberapa negeri kembali stabil selepas kerajaan perpaduan dibentuk.

aduan, kata tiada telur. Tak tahuhlah macam mana orang boleh cakap bekalan telur stabil.

"Menjadi tiba-tiba ada telur, itu antara peniaga dengan pemborong,

Di peringkat pengeluaran masih lagi kurang seperti sebelum ini.

"Tetapi di peringkat peniaga dan pemborong, mungkin kedua-duanya ada pakatan perniagaan

tertentu. Saya pun terkejut, bila orang cakap kerajaan baharu, tiba-tiba telur ada. Jadi, kita pun rasa pelik juga," katanya.

Sementara itu, satu sumber industri peruncitan yang dihubungi berkata, pihaknya masih mengalami kekurangan bekalan telur, malah mempersoal pihak yang mendakwa bekalan sumber protein itu sudah stabil.

"Keadaan masih sama seperti sebelum ini, telur masih tiada. Malah, sudah enam bulan sampai sekarang tiada telur di pasaran.

"Jadi saya tertanya-tanya, dari manakah orang awam dapat maklumat ada telur? Kalau masuk pasar raya pada waktu pagi, kemudian nampak ada banyak telur dijual, itu tak menghairankan. Di pasar raya kami pun ada. Tapi, sampai tengah hari membawa ke petang, masih adalagikah telur?" soalnya.

Dalam pada itu, satu sumber penternak wilayah tengah yang dihubungi pula berpendapat sebaliknya dengan mengatakan

memang wujud lambakan telur di sesetengah tempat.

"Sebelum ini, di peringkat pemborong, telur ini ada, tapi semua dieksport keluar negara. Kenapa ada lambakan sekarang? Macam biasa, ia ada kaitan dengan rangkaian perniagaan yang kompleks membatikan ideologi. Jadi, mereka mahu menyusahkan rakyat.

"Isunya, kerajaan masih lagi bagi subsidi kepada gergasi-gergas telur ayam ini. Kita sudah tahu, kartel ini belot terhadap keselamatan makan negara, tapi hulur lagi subsidi. Sudahnya, subsidi kita hangus, kita punya bekal tetap tiada," katanya.

Awal pagi semalam, *Utusan Malaysia* dan Kosmo! melaporkan bekalan telur di beberapa negeri kembali stabil selepas kerajaan perpaduan dibentuk.

Sementara itu, tinjauan *Utusan Malaysia* di Terengganu mendapati stok telur ayam di pasaran di negeri itu kembali pulih kira-kira 60 peratus.

Roast may be toast

This year's holiday season might be a testing and less tastier period for Malaysians as the egg shortage persists with no immediate solution in sight. Even turkey is set to be off the festive menu as the imported birds are stuck in frozen container limbo without halal certification. > See pages 4 & 5 for stories by ZAKIAH KOYA, KHOO GEK SAN and RAGANANTHINI VETHASALAM



Photo: ZHAFARAN NASIB/The Star

Poultry farmers are reaching cracking point

By IMRAN HILMY
and PAVITHRA RAMAN
newsdesk@thestar.com.my

GEORGE TOWN: Poultry farmers here are claiming that the egg shortage is caused by market manipulators out to make a killing.

Chicken breeder Muhammad Sufi Jamil, 32, alleged that these manipulators hoard their egg supplies that were supposed to be distributed to consumers so the price would increase.

"The egg shortage happened before GE15, but after that, the eggs mysteriously appeared and are available at most grocery and retail shops."

"Some of the eggs on sale now are either expired or close to expiry," said Muhammad Sufi.

He said other factors causing the shortage of eggs included the uncertain weather and threat from wildlife near poultry farms.

"What the authorities can do now is to monitor and control the egg supply so it will not be manipulated. Fix the egg price and make it compulsory for breeders to report their produce."

"This will not only help us control the supply but also the price," said Muhammad Sufi.

Another breeder, who wanted to be known only as Ali, said he had been supplying chicken eggs direct to consumers and grocery shops in Alor Setar.

"I have never used middlemen. I deliver my produce straight to consumers, which is why I have never encountered this problem."

"But I agree the government should control the prices of basic items such as eggs to protect the consumers," he said.

Grocery shop owner Mat Izzudin Idris, 43, said he had no problem getting eggs from his supplier.

"But sometimes, I have to limit the sale of eggs as the supply is also limited. I hope the egg shortage problem will not happen again. Eggs are an important part of the diet for people, especially the B40," said Mat Izzudin, whose shop is in Bukit Gedong.

A check by *The Star* at several grocery shops in Seberang Prai and George Town found no egg shortage. However, many shops are imposing a limit of 10 eggs per customer.

The eggs are being sold at between 38sen and 45sen each according to their grade.

Meanwhile, Sunshine Wholesale Mart marketing and communication manager Bryan Wong said there was no shortage.

"No shortage of eggs. Selling at all outlets," Wong said in a WhatsApp message.

He added the price of eggs - per tray of 30 - was RM13.50 for Grade A, RM12.90 for Grade B and RM11.70 for Grade C.

With the holidays around the corner, the egg shortage continues to worry consumers and sellers in Petaling Jaya.

Nor Zaini Zainul Abidin, 41, who manages a convenience store in Subang Jaya, said getting eggs has been difficult in the last two months.

"We used to get our supplies from supermarkets and local suppliers. Now, even they are out of eggs," said the managing director of the 929 Convenience Store.

Nor Zaini said it was difficult for her to obtain Grade A eggs, which are her customers' preferred choice.

"Nowadays, we can only get Grade D or Grade E eggs, which are relatively small," she added.

Nor Zaini said that although she was not suffering significant profit losses due to the shortage, she was concerned about a decline in customer satisfaction.

The managing director also pointed out the recent increase in the prices of chicken eggs.

"Grade AA eggs used to cost around RM14.40 per carton, but now they cost around RM15."

"Grade A and B eggs used to cost RM13 and RM12.40 per carton, now they cost RM13.50 and RM12.90 per carton respectively," she added.

Egg merchant B. Ravichandran from Balakong, Seri Kembangan, also said the price of eggs had risen due to their scarcity.

"Suppliers have increased their prices, which has been particularly difficult for small business owners like myself."

"Eggs used to cost around 38sen to 40sen each, regardless of their grades, but now they cost nearly 45sen," he lamented.

Consumers are likewise frustrated by the egg shortage.

Housewife Sivakami Elango, 45, said the shelves at supermarkets and

convenience stores remained half empty even early in the morning.

"I have resorted to buying kampung eggs at the morning markets now since it is very hard to get price-controlled eggs in large quantities from the stores."

"Although my children did not like the kampung eggs at first, they have now grown used to them."

Sivakami said it would be much more difficult for her to manage if the egg shortage continues until the end of the year.

"If the shortage lasts until the year-end holidays, it would be challenging since my children will be around, and I will have to cook more often," she added.

Accounting student Jessyca Han, whose family has an annual tradition of baking Christmas cookies together, said the government should act to resolve the shortage.

"If the shortage continues, many families will be robbed of quality family time and delicious Christmas cookies, which are crucial parts of the holiday season tradition."

"I hope the government takes necessary steps to address this issue," added the 22-year-old.

No quick solutions, just a slow boil

Shortage of egg supply likely resolved early next year, says DOSM

By ZAKIAH KOYA
and KHOO GEK SAN
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: The shortage of egg supply in some parts of the country is due to various factors.

This situation has been made worse by the unexpected behaviour of consumers which have caused a surge in demand, said authorities.

The Agriculture and Food Industry (MAFI) and Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry (KPDNHEP) reported that the projection of the demand was not as predicted and eggs are not an item which can be kept in stock for long.

MAFI secretary-general Datuk Haslina Abdul Hamid said that it is normal for a high demand for eggs at this time of the year, but the problem is usually offset with early preparations and planning since September.

"At the National Council of Cost of Living (Naccol) meeting with Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim on Sunday, MAFI presented the (supply) situation on the seven controlled items, including eggs. We have no shortage on premium eggs which are not controlled items, but there is a shortage on graded eggs A, B and C."

"However, this time around, there was a sudden surge as consumers are suddenly eating out more and there is more demand for Grade A, B and C (eggs)."

"In September, we discussed production issues with egg producers,

whose main request was that we

relook the subsidy given to them -

which is 10sen - as their cost of

production has increased.

"The decrease in our currency

also lowered their profits as most of

Eggs under control

Grade A

65.0 grams to 69.9 grams each per egg

RM 0.45

Grade B

60.0 grams to 64.9 grams each per egg

RM 0.43

Grade C

55.0 grams to 59.9 grams each per egg

RM 0.41

Fine up to RM 100,000 or imprisonment not exceeding 3 years or both for individual; or fined up to RM500,000 for body corporate if caught selling eggs above maximum price.

For complaints on the price of eggs, please contact the Domestic Trade and Consumers Affairs Ministry at:

- WhatsApp 019 279 4317 or 019 848 8000
- e-aduan.kpdnhep.gov.my portal
- Call Centre 1800 886 800
- e-mail e-aduan@kpdnhep.gov.my
- Ez Adu Apps
- Enforcement Command Centre 03 8882 6088 or 03 8882 6245

Source: Domestic Trade and Consumers Affairs Ministry (KPDNHEP)

The Star graphics

the eggs for export to Singapore have high specifications which not every farm can meet.

"The complaints of too many eggs in some places while there are none in certain places stem mainly from logistics and suppliers not being able to replenish stocks in time," said Haslina.

KPDNHEP secretary-general Datuk Azman Mohd Yusof said that the shortage of eggs is not in all parts of the country, but in locations where there is a demand surge.

"We understand that there is a shortage from the farms itself but despite that, we will take action against anyone who raises the prices of Grade A, B and C eggs as these are controlled items. If we find that there are states with no eggs at all, we then request that other states with extra stock to help out."

"I have ordered that there be more enforcement checks by KPDNHEP personnel to ensure that there is no profiteering. The pictures on social media of heaps of eggs being sold out immediately is a common occurrence when there are pocket surges."

"However, I ask that consumers posting these (images) on social media be specific as to where this is happening and if there is profiteering, we can take action."

"It is not an item which retailers can keep or freeze to increase the

prices. Furthermore, it is a controlled food item, so be patient," said Azman, urging consumers to file complaints of profiteering or hoarding to KPDNHEP.

Department of Statistics Malaysia (DOSM) chief statistician Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin said that the shortage of eggs is an issue tied closely to the reopening of the economy post-Covid-19.

"Egg consumption is high now as it is an ingredient in many Malaysian dishes. With the economy now fully reopened and people confident enough to travel and spend, there is an increase in food consumption beyond what was expected."

"Unlike pre-Covid-19, data shows that Malaysians are not waiting for weekends to travel and go out for meals with their family and friends," said Mohd Uzir.

"However, the supply readiness to meet the surge in demand has not yet reached an equilibrium, causing the shortage."

"We project that this will be resolved by early next year, when demand for food items, including eggs, stabilises. The price of feedstock, which is used in production of food such as eggs, will also hopefully stabilise by then."

"This is something that is happening across the world, not only in Malaysia," said Mohd Uzir.

No truth to sabotage claims, says farmers' association chief

PETALING JAYA: The egg shortage is a global phenomenon and unlikely to be resolved soon, say livestock farmers.

They also scoffed at sabotage claims on social media that there was a shortage before the recently-concluded 15th General Election, and eggs were now flooding the market.

Federation of Livestock Farmers' Associations of Malaysia (FLFAM) president Tan Chee Hee said the sabotage claim is not logical as eggs

are perishable items that cannot be hoarded.

"Generally, the whole world has an egg shortage and Malaysia is no exception."

"Farmers are working very hard to produce more but we have been badly affected by poor demand during the pandemic (lockdowns), then a sudden surge of demand after the economy reopened, followed by an increase in raw material prices, and disease challenges," said Tan.

"Currently we are facing a short-

age of layer chicks (or chicken reared to lay eggs).

"This is one of the main causes," he explained.

"The other cause is the controlled price (of Grade A, B and C eggs) that is not encouraging farmers to produce more as the subsidies are not sufficient for them to cover their costs."

"It is a very tight margin for big farms to produce at these prices despite a recent 10sen subsidy by the government," he added.

Since July 1, the government has fixed the ceiling price for Grade A chicken eggs at 45sen each, 43sen for Grade B and 41sen for Grade C.

"We don't think there's sabotage by producers. Eggs are highly perishable items."

"Layer farms do not have large storage areas to keep eggs for more than two or three days."

"We are not like other industrial producers who can keep their stocks for longer periods to wait for better timing to sell at a better price."

said Tan.

He also said there is no clear shortage at present, but it is more of shortages in certain areas with a sudden surge in demand due to weddings or in areas facing logistic and delivery issues.

He said the authorities should understand that farmers cannot rectify the low production situation immediately, due to the cycle of egg production.

> TURN TO PAGE 6

'Production affected by lower quality feedstock'

> FROM PAGE 5

He urged the government to increase the subsidies during the control price period or let the market dictate prices.

"We also hope that the authorities would facilitate soft loans to farmers immediately to ease the cash-flow problem that FLFAM members have been dealing with," said Tan.

The association's deputy president Lee Yoon Yea said egg production has also been affected by lower quality feedstock, which influences chicken growth, as well as the weather which is not conducive for egg-laying.

"We have to set purchase limits among customers, but not for hawkers."

Datuk Lim Choon Se

Mydin managing director Datuk Ameer Ali Mydin said egg suppliers can only meet 20% of his supermarket chain's demand.

"Except for the Mydin hypermarket chain, we have checked on the ground at various supermarkets. At 10am (yesterday), there were empty shelves everywhere," he said.

Supermarket chain NSK Group is also facing problems, with its group senior adviser Datuk Lim Choon Se saying suppliers can only meet 40% of his supermarkets' demand.

He added that the shortage must be resolved as soon as possible as the demand for eggs would be huge one week before Chinese New Year.

"It will be bigger before and during Ramadhan and Hari Raya Aidilfitri, in March and April respectively.

"We have to set purchase limits among customers, but not for hawkers," said Lim.



A trader arranging eggs at his shop in Jalan Raja Hussein, Kuala Lumpur, yesterday. PIC BY AZHAR RAMLI

MINISTRY ENFORCEMENT

'No reports of eggs sold at RM17 per tray'

KUALA LUMPUR: The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry has not received reports or complaints about egg prices reaching RM17 per tray.

Its enforcement director, Azman Adam, urged consumers to lodge reports and complaints with the ministry if traders sold eggs above the ceiling price.

"We are monitoring and controlling the prices of grade A, B, and C eggs, which are sold for 45 sen, 43 sen and 41 sen each, respectively."

"The price of special eggs, such as Omega ones, are not under our control."

"There have been no reports about a carton of eggs being sold for RM17. If there are any report or complaint, we will investigate," he said.

Azman was asked to comment on reports suggesting that the price of grade A eggs had gone up to RM17 a carton, although the



Azman Adam

supply of eggs in several states had returned to normal.

He added that there were 153 cases of eggs being sold above the ceiling price reported since Feb 5 this year.

Azman said the ministry had also taken action against traders caught selling eggs above the ceiling price.